



SIARAN MEDIA

Kementerian Utiliti Sarawak
BERSAMA
Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak

Di bawah ini adalah maklumbalas rasmi daripada Kementerian Utiliti Sarawak bersama Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak berkenaan dengan laporan media di dalam suratkhabar ***The Borneo Post*** yang bertajuk "***Tiong Blasts 'Incessant' water interruptions during festive period***" yang bertarikh **7 Jun 2019**.

Pihak kami telah mengambil maklum mengenai isu seperti yang dilaporkan di dalam suratkhabar yang disiarkan pada 7 Jun 2019. Gangguan bekalan air berlaku disebabkan oleh kerosakan pada sistem paip yang berpunca dari kerja-kerja pembinaan jalan. Pada bulan Mei yang lalu, pihak JBALB telah memberi laluan kepada pihak Lebuhraya Borneo Utara untuk melalukan kerja-kerja pengalihan. Terdapat 5 kes paip pecah yang dilaporkan sehingga Jun pada tahun ini akibat kerja-kerja pembinaan di kawasan Suai dan Niah.

Sistem rawatan air turut dilaporkan mengalami kerosakan mekanikal pada 5 Jun 2019 dan menyebabkan kapasiti pengeluaran bekalan air berkurangan. Namun demikian keadaan ini telah berjaya diperbaiki pada pukul 2 pagi keesokan harinya. Loji rawatan air kembali beroperasi secara normal pada 6 Jun 2019, namun sesetengah kawasan masih lagi mengalami '*air lock*' dan kerja-kerja '*flushing*' turut dilakukan. Namun begitu, tekanan air ke kawasan Rh. Robert mengambil masa untuk kembali pulih. Pada masa yang sama, proses penghantaran air turut dilakukan ke kawasan-kawasan yang terjejas bagi memastikan penduduk kampung mendapat bekalan air untuk kegunaan harian. Pihak JBALB telah membuat penghantaran air sebanyak 5 trip (1 trip bersamaan dengan 1200 gelen) berdasarkan permintaan di kawasan yang terjejas iaitu di Rh. Robert serta kawasan berdekatan seperti Klinik Kesihatan Suai dan juga SK Batu Telingai.

Masalah bekalan air di kawasan Rh. Robert telah kembali pulih pada Selasa, 11 Jun 2019. Namun begitu, kawasan-kawasan lain yang terjejas dijangka akan kembali pulih sepenuhnya secara beperingkat pada minggu ini.

Pihak kami amat prihatin terhadap masalah ini dan telah menyediakan dua pelan tindakan utama iaitu tindakan segera dan tindakan jangka sederhana untuk menambah baik bekalan air di kawasan Suai. Tindakan segera adalah untuk menambah baik sistem agihan bekalan air yang sedia ada. Bagi pelan jangka sederhana, dua projek telah dan bakal dilaksanakan iaitu Projek Rakyat di bawah

Pakej NR2 dan Projek Bekalan Air Kompleks Suai Fasa ke-2 (Suai Complex Phase 2). Projek Rakyat di bawah Pakej NR2 melibatkan kerja-kerja menaiktaraf komponen-komponen mekanikal yang sedia ada di Loji Rawatan Air Suai serta pembinaan baru stesen pam penggalak di tapak berdekatan dengan Forest Research Centre di Sg. Sebubok Niah untuk mengepam air hingga ke kawasan di sekitar Suai hingga ke Rh. Robert. Projek ini dijangka siap pada bulan Oktober tahun 2020. Projek kedua iaitu Projek Bekalan Air Kompleks Suai Fasa ke-2 (Suai Complex Phase 2) yang melibatkan kerja-kerja pembinaan tiga buah tangki iaitu di Sepupok, Batang Suai serta di KM125. Projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2022.

Kedua-dua inisiatif tersebut akan dapat meningkatkan kapasiti bekalan air serta menambah baik tekanan air ke kawasan di sepanjang Jalan Batang Suai, Jalan Pesisir Miri-Bintulu, Jalan Miri-Bintulu, Jalan Kampung Lajong, Jalan Ladang Tiga, Tadika Kemas Rh. Robert, SK Batu Telingai, Suai, Klinik Desa Suai, kawasan Rh. Robert serta di kawasan Kompleks Suai.

Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat masalah gangguan bekalan air, Kementerian Utiliti Sarawak memohon orang awam untuk terus menghubungi dan membuat laporan segera kepada pihak JBALB Sarawak di pejabat JBALB Bahagian Miri di talian 085-442204.

**KEMENTERIAN UTILITI SARAWAK
BERSAMA
JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK**